

0062

U 0006 BAH
SAMY - MAHATHIR
(I)

KUALA LUMPUR, 18 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TIDAK PERNAH CUBA MEMPENGARUHI ANGGOTA-ANGGOTA KABINET BERHUBUNG DENGAN APA JUGA KEPUTUSAN YANG DICAPAI PADA MESYUARAT KABINET, KATA SEORANG ANGGOTA KABINET HARI INI.

MENTERI KERJA RAYA DATUK S. SAMY VELLU KETIKA MENYATAKAN APA YANG BERLAKU PADA MESYUARAT KABINET KEPADA PEMBERITA DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI, BERKATA BELIAU MASIH INGAT DUA PERISTIWA APABILA PERDANA MENTERI BOLEH BERBUAT DEMIKIAN TETAPI BELIAU TIDAK MELAKUKANNYA.

YANG PERTAMA IALAH BERHUBUNG DENGAN KERTAS KEMENTERIAN PERTAHANAN YANG DIBENTANGKAN OLEH PERDANA MENTERI SENDIRI. IA DITOLAK OLEH KABINET SETELAH BERSETUJU DENGAN BANTAHAN SEORANG ANGGOTANYA.

YANG SATU LAGI IALAH MENGENAI KAJIAN BEKALAN AIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN YANG DIKENDALIKAN OLEH UNIT PERANCANG EKONOMI (EPU), JABATAN PERDANA MENTERI.

IA JUGA DITOLAK SETELAH DATUK SAMY VELLU MEMBANTAH DENGAN ALASAN IA BUKANNYA DI BAWAH BIDANG KUASA JPM TETAPI DI BAWAH KEMENTERIAN KERJA RAYA.

-- LAGI.

1909MST 18 03 87

U 0016 DEB
SAMY - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR
(I)

REAKSI DATUK SERI DR MAHATHIR?

+BELIAU HANYA TERSEYUM LEBAR,+ KATA DATUK SAMY VELLU DAN MENAMBAH= +BELIAU TIDAK BERKATA APA-APA SETELAH PERKARA ITU DILAKUKAN.+

BELIAU MENYIFATKAN PERDANA MENTERI SEBAGAI SEORANG YANG SEDIA MENDENGAR PENDAPAT ORANG LAIN.

+BELIAU MENDENGAR PENDAPAT YANG DIKEMUKAKAN OLEH MENTERI-MENTERI MENGENAI PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN. BELIAU MENYIASAT ADUAN ORANG RAMAI MENGENAI MENTERI-MENTERI, SUNGGUHPUN IA NAMPAKNYA PERKARA REMEH SAHAJA.+

DATUK SAMY VELLU MENYATAKAN BAGAIMANA BELIAU (DATUK SAMY VELLU) DIMINTA MENJELASKAN KEPADA KABINET BERIKUTAN SATU ADUAN BERTULIS BAHAWA BELIAU MELETAKKAN KERETANYA SEMBARANGAN DI DEPAN PINTU MASUK SEBUAH KELAB.

KATANYA, SEBENARNYA BELIAU HANYA LETAK SEKEJAP SAHAJA KERETA DI SITU UNTUK MENYAMPAIKAN SESUATU DAN TIDAK SEDAR BAHAWA PERBUATANNYA MENGGANGGU ORANG LAIN. -- LAGI.

1938MST 18 03 87

U B025 BAH
SAMY. - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR
(I)

DATUK SAMY VELLU BERKATA MESYUARAT KABINET BIASANYA BERMULA DENGAN PERDANA MENTERI MEMBERI TAKLIMAT MENGENAI PERKEMBANGAN TERBARU DI NEGARA INI YANG KADANG-KALA SEHINGGA SETENGAH JAM TETAPI ADA SATU KETIKA MENGAMBIL MASA DUA JAM.

SELEPAS ITU BARULAH KABINET BERBINCANG MENGENAI PERKARA-PERKARA BAGI MESYUARAT HARI ITU, TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA SETIAP ANGGOTA KABINET BEBAS MENYATAKAN PADANGAN MEREKA MENGENAI APA-APA PERKARA YANG DIKEMUKAKAN +DAN TIDAKLAH BENAR KAMI HADIR DAN MEMBISU.+

CONTOHNYA MESYUARAT HARI INI, KABINET MEMBATALKAN DUA CADANGAN LAWATAN KE LUAR NEGERI KERANA PARA ANGGOTA TIDAK MENYETUJUINYA ATAS ALASAN +IA MEMBAZIRKAN WANG.+

MENGENAI PROJEK-PROJEK BESAR SEPERTI JAMBATAN PULAU PINANG DAN KERETA NASIONAL PROTON SAGA, DATUK SAMY VELLU BERKATA IA DIPUTUSAN BERDASARKAN JAMINAN +JURUTERBANG+ KEWANGAN KETIKA ITU BAHAWA NEGARA MAMPU MELAKSANAKANNYA.

+BAGAIMANAPUN APABILA JURUTERBANG BARU MENGAMBIL ALIH PADA TAHUN 1984 DIDAPATI MINYAK TIDAK MENCUKUPI DAN TERPAKSA MENGISINYA LAGI,+ KATANYA. -- BERNAMA.

2006MST 18 03 87